



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pembangunan PKS dan  
Keusahawanan  
Malaysia

DISINI BERMULA...

# PLANET MASMED

NO. 01 · JUNE 2022 · UITMCNS

ENCULTURE  
ENGAGE  
CREATE

EXCELLENT  
SYNERGY  
INTEGRITY

eISSN 2805-5535



9 7 7 2 8 0 5 5 5 3 0 0 5

# AKHLAK PERNIAGAAN ISLAM DALAM SEKTOR PENGETAHUAN

Ditulis Oleh

Dr. Rossidi bin Usop

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Seremban 3, Negeri Sembilan

[rossi\\_sidi@yahoo.com](mailto:rossi_sidi@yahoo.com) / [2021398263@isiswa.uitm.edu.my](mailto:2021398263@isiswa.uitm.edu.my)

TIME  
SOLUTION



SOLUTION



Dalam perniagaan salah satu gagasan yang penting adalah nilai dan akhlak di dalam sektor pengeluaran. Pakar-pakar ekonomi mendefinisikan pengeluaran sebagai penciptaan kekayaan dengan cara mengeksplotasi sumber-sumber alam semula jadi berupa anugerah Allah S.W.T seperti sumber kekayaan hutan, sumber kekayaan lautan, sumber kekayaan bumi seperti perlombongan mineral, sumber kekayaan daripada haiwan dan sumber-sumber lain yang belum diterokai dengan sepenuhnya seperti sumber tenaga matahari, sumber hidro (air), sumber angin dan sumber api. Menurut Yusuf Al-Qaradhawi (2009) Islam tidak pernah memisahkan ekonomi dan akhlak seperti falsafah kapitalis yang menjadikan keuntungan materialistik sebagai objektif utama dalam menggerakkan aktiviti ekonomi. Al-Quran mengingatkan kepada manusia akan pelbagai kekayaan semula jadi pada beberapa ayat dan surat. Di dalam surah al-Nahl, Allah S.W.T menerangkan tentang kekayaan dari pelbagai sumber dan perolehan seperti dari sumber haiwan dengan perolehan hasil pengeluaran seperti daging, susu, kulit dan sebagainya. Allah S.W.T berfirman yang bermaksud:

*"Dan dia telah menciptakan binatang ternak untuk kamu, padanya ada (bulu) yang menghangatkan dan berbagai-bagai manfaat, dan sebahagiannya kamu makan" (Surah an-Nahl 16:5).*

Dalam pada itu, dalam surah yang sama, Allah S.W.T juga memberi peringatan tentang kekayaan sumber dari tumbuh-tumbuhan dalam firmanyang bermaksud:

*"Dan dia menumbuhkan bagi kamu dengan air hujan itu tanam-tanaman, zaitun, kurma, anggur dan segala macam buah-buahan, sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar ada tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang memikirkan" (Surah an-Nahl 16:11).*

Selanjutnya, surah an-Nahl ayat 14 pula mengingatkan kita kepada sumber kekayaan lautan dengan peluang untuk menghasilkan kekayaan dari perolehan hasil perikanan, mutiara dan sebagainya. Manakala, sumber untuk diusahakan dalam kegiatan perlombongan disebutkan dengan jelas di dalam al-Quran seperti firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*"Dan kami ciptakan besi yang padanya terdapat kekuatan yang hebat dan berbagai manfaat bagi manusia" (Surah al-Hadid 57:25).*

Dengan peringatan Allah S.W.T melalui kalamnya al-Quran terhadap pemanfaatan kekayaan dan potensi sumber alam yang tersimpan dan perlu dieksplotasi untuk kemajuan masyarakat dan negara. Justeru, kegiatan sektor pengeluaran sangat bergantung kepada dua perkara utama iaitu ilmu dan usaha. Para fuqaha menetapkan bahawa ilmu pengetahuan diperlukan oleh manusia untuk agama dan dunianya. Maka Islam meletakkan hukum mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu selain ilmu agama adalah fardhu kifayah kerana ia sangat dituntut bagi tujuan kemajuan umat Islam. Kedua, dalam mengeksplotasi sumber-sumber kekayaan alam semula jadi kurniaan Allah S.W.T, selain daripada memiliki ilmu, syarat terpenting dalam bidang pengeluaran adalah usaha yang berterusan untuk menggali isi kandungan bumi bagi memanfaatkan kekayaan sumber alam bagi mencari rezeki kurniaan Allah S.W.T.

Walau bagaimanapun, Islam pada masa yang sama turut meletakkan syarat-syarat kepada manusia dalam tindakan mereka memakmurkan bumi, yakni prasyarat sebagai akhlak perniagaan Islam dalam sektor pengeluaran. Antara syarat-syarat bagi manusia dalam mengeksplorasi sumber-sumber alam semula jadi ada dua panduan utama. Pertama, wajib memulihara alam semula jadi, demi mengelakkan kerosakan, kehancuran, pencemaran dan lain-lain yang dikategorikan sebagai perosakan sumber alam semula jadi. Kedua, memulihara sumber kekayaan semula jadi dengan tidak mensia-siakannya untuk perkara yang tidak mendapat manfaat ekonomi. Mengikut sirah Nabi, Rasulullah S.A.W pernah memberi peringatan tentang masalah tanah pertanian di mana Rasulullah S.A.W bersabda:

*“Sesiapa yang memiliki tanah maka hendaklah mengusahakannya, atau memberikannya kepada saudaranya.”* (HR. Muttafaqun ‘Ala’ih).

Permasalahan membiarkan tanah yang berpotensi untuk dimajukan amat dititik beratkan oleh Rasulullah S.A.W dengan memberi peringatan bahawa bagi seseorang yang memiliki tanah dan mampu mengerjakannya perlu mengusahakannya atau meminjamkan kepada orang lain untuk diusahakan. Rasulullah S.A.W menunjukkan contoh teladan apabila pernah bekerjasama dengan kaum Yahudi untuk mengusahakan tanah di Khaibar. Di ceritakan juga di dalam sirah, suatu kakhlak Rasulullah S.A.W berjalan melewati bangkai kambing, kemudian baginda bertanya tentang bangkai kambing tersebut. Mereka berkata, sesungguhnya ia adalah milik pembantu Maimunah (Ummul Mukminin), maka Nabi bersabda:

*“Mengapa kalian tidak mengambil kulitnya dan disamak untuk memanfaatkannya, sesungguhnya yang diharamkan hanyalah memakannya..”* (HR. Muttafaqun ‘Ala’ih).

Segala peringatan Rasulullah S.A.W tersebut membuktikan bahawa segala apa jua sumber yang diciptakan Allah S.W.T mempunyai manfaat di dalam bidang pengeluaran. Oleh itu, sebagai pengeluar Muslim adalah wajib memanfaatkannya demi mengelakkan pembaziran dan kesia-siaan sumber. Selanjutnya, di dalam memacu produktiviti pengeluaran, Islam menggariskan panduan jelas dengan mementingkan atau mendahulukan pengeluaran produk mengikut maslahat dari yang terlebih penting daripada sekadar yang penting, dan mendahulukan yang penting daripada yang kurang penting. Menurut al-Syatibi didalam Najihah Marha, Rosman, Sakinah, & Mazidah (2014) ada 3 (tiga) kategori tingkatan keperluan dalam mencapai kemaslahatan, iaitu: Pertama, “Dharuriyat” iaitu keperluan yang mendesak kerana dikategorikan sebagai keperluan primer. Pengeluaran produk primer amat perlu didahulukan kerana kehidupan tidak akan berjalan lancar tanpanya, seperti pengeluaran makanan seperti gandum, padi, garam dan sebagainya. Keperluan pengeluaran barang primer (barang keperluan) diutamakan di dalam Islam adalah kerana sesungguhnya manusia itu apabila telah dipenuhi keperluan mereka barulah mereka merasa aman dan khusuk dalam beribadah kepada Allah S.W.T. Allah S.W.T berfirman yang bermaksud:

*“yang telah memberi makanan kepada mereka bagi menghilangkan rasa lapar dan mengamankan mereka dari ketakutan”* (Surah Quraisy, 4).

Kedua, “Haajiyyat” disebut sebagai keperluan peringkat kedua iaitu keperluan sekunder (barang keinginan). Keperluannya tidak sampai kepada mengancam keselamatan, namun manusia akan mengalami kesulitan dan kesukaran, tetapi tidak sampai kepada menyebabkan kerosakan tanpanya. Dan ketiga, “Tahsiniyyat” atau keperluan peringkat tertiary (barang mewah) di mana produk yang dikeluarkan akan menjadikan kehidupan menjadi lebih lengkap dan lapang sebagai keperluan pelengkap kehidupan. Justeru, menjadi tanggungjawab pengeluar Muslim supaya tidak mengeluarkan produk-produk yang hanya mampu dibeli dan dimiliki oleh orang-orang kaya dan berduit sahaja sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap keperluan masyarakat miskin. Selain itu, nilai dan akhlak dalam pengeluaran juga tidak membolehkan pengeluaran produk yang membahayakan individu dan masyarakat kerana ia ditolak secara syari’i di dalam Islam kerana boleh menyebabkan kemudaratian sama ada moral, jasmani atau rohani contohnya menanam tanaman tertentu bagi tujuan membuat minuman keras, menanam tembakau, dan lain-lain yang memberi kesan buruk kepada pengguna.



Islam juga menetapkan nilai dan akhlak terhadap usaha manusia meliputi aspek-aspek lain seperti wajib menjalankan akhlak perniagaan dengan mematuhi prinsip kewangan Islam. Modal yang diperoleh bagi menjalankan kegiatan pengeluaran mestilah dari sumber yang halal seperti dari sumber Pinjaman Qard al-Hassan, modal sendiri, harta warisan atau keluarga. Ini kerana Islam menitik beratkan prinsip kewangan yang halal, tiada riba, gharar dan maysir. Seterusnya, pekerja-pekerja yang dilantik di dalam aktiviti pengeluaran juga haruslah diberi layanan yang adil dengan diberi upah yang setimpal dengan bakat dan kemahiran yang mereka miliki. Dalam pada itu, Islam amat menggalakkan penggunaan teknologi moden sebagai sarana yang memudahkan kerja-kerja dalam memastikan produktiviti pengeluaran berada pada skala ekonomi yang cekap serta bermutu tinggi. Akhirnya, pengeluar Muslim harus mengeluarkan dan menghasilkan produk-produk berlandaskan prinsip syariah dengan memenuhi konsep halal yang memberi manfaat, berfaedah, penjaminan keselamatan dan bersih dari sudut fikah dan tasawuf.

Kesimpulannya, Islam meletakkan prinsip, akhlak, nilai dan akhlak yang tinggi di dalam bidang perekonomian yang melibatkan proses pengeluaran kerana setiap kegiatan dan hubungan mempunyai corak interaksi mendatar yang jitu bukan sahaja melibatkan hubungan sesama manusia bahkan membawa kepada hubungan dengan alam seterusnya ke peringkat tertinggi iaitu hubungan secara menegak dengan Allah S.W.T.

#### Rujukan

- [1] Al-Quran
- [2] Najihah Marha, Rosman, Sakinah, & Mazidah. (2014). An Investigation of the Small Business Start-ups' Performance. *Journal of Basic and Applied Scientific Research*, 4(January 2014), 10–17.
- [3] Yusuf Al-Qaradhawi. (2009). Ekonomi Islam nilai dan akhlak. (Mufti Labib & Arsil Ibrahim, Ed.) (Cetakan 1). Penerbit Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).